



(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (22)  
Takwim : 26 Rejab 1443H  
Tarikh : 28 Februari 2022

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah  
Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIAH NEGERI JOHOR  
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**Penggunaan Prosiding Kes Secara dalam Talian  
melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh**

Saya ingin menarik perhatian A/Tuan/Puan untuk menerima pakai Arahan Amalan bernombor Penggunaan Prosiding Kes Secara dalam Talian melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh.

2. Kecuali jika diperintahkan sebaliknya oleh Hakim atau Pendaftar, semua prosiding berikut hendaklah dibuat secara dalam talian melalui teknologi komunikasi jarak jauh:

- (i) Semua SEBUTAN kes *Mal*, sama ada yang dimulakan dengan Saman atau Notis Permohonan atau apa-apa cara lain;



- (ii) PENDENGARAN bagi kes:
- (a) Kes *Mal* yang dimulakan dengan Notis Permohonan;
  - (b) Kes perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003; dan
  - (c) Kes pengesahan perceraian di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003;
- (iii) Semua PENGURUSAN Kes *Mal* dan Jenayah termasuk pengurusan kes rayuan;
- (iv) Semua prosiding bagi MEREKSEKAN DAN/ATAU MENGENDORSEKAN apa-apa persetujuan bersama atau perjanjian penyelesaian dalam mana-mana kes *Mal* dan
- (v) Semua prosiding bagi MENYUMUKAN DAN/ATAU MEMBAKAKAN notis dan/atau penghakiman dalam mana-mana kes *Mal*.

3. Cara Panduan Pengendalian Prosiding kes Secara dalam talian melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh adalah seperti di Lampiran A.

4. Prosiding kes *Mal* secara dalam talian melalui teknologi jarak jauh, selain daripada prosiding yang disenaraikan di perenggan 2 di atas, adalah tertakluk kepada Arahan Amalan YAA Ketua Hakim Syariah Negeri Johor Bilangan 6 Tahun 2021.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 Mac 2022.



**(YAA TUAN HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)**

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluar
6. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor



## **GARIS PANDUAN PROSIDING KES SECARA DALAM TALIAN MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

### **Pemakaian**

1. Garis panduan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana prosiding kes yang disenaraikan dalam Arahan Amalan YAA Ketua Hakim Syarie Negeri Johor Bilangan 1 Tahun 2022.
2. Hakim atau Pendaftar boleh memberikan apa-apa arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu berhubung dengan kes atau perkara itu.

### **Tempat Prosiding**

3. Mahkamah hendaklah menentukan platform dalam talian dan lokasi yang ditetapkan bagi menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh.
4. Kecuali jika dibenarkan oleh YAA Ketua Hakim Syarie melalui borang di **Lampiran B**, Hakim atau Pendaftar hendaklah berada di Mahkamah yang berkuasa melalui pewartaan bahawa pihak-pihak dibenarkan berada di lokasi yang ditetapkan oleh Mahkamah.
5. Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan lain yang berhubung dengan pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh kepada pihak-pihak.
6. Walaupun apa pun arahan Mahkamah berhubung dengan pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh, Mahkamah boleh mengarahkan sesuatu prosiding yang sedang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh untuk diteruskan secara fizikal.
7. Tarikh dan masa perbicaraan adalah ditetapkan oleh Mahkamah.
8. Fasiliti perbicaraan secara dalam talian pihak-pihak adalah disediakan oleh pihak-pihak sendiri termasuk bagi saksi pihak-pihak.
9. Sebarang dokumen yang dimuat naik oleh pihak-pihak secara dalam talian sewaktu perbicaraan melalui teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah difailkan semula secara *hard copy* di kaunter Mahkamah selepas selesai prosiding tersebut.

## **Kehadiran pihak-pihak atau saksi melalui teknologi telekomunikasi jarak jauh**

10. (1) Bagi kehadiran mana-mana pihak, saksi atau banduan dalam mana-mana prosiding, Hakim atau Pendaftar boleh setelah berpuas hati bahawa semua syarat yang dinyatakan dalam subaturan (2) dipenuhi, mengarahkan pihak-pihak atau saksi –
- (a) Untuk hadir (selain memberikan keterangan), dalam prosiding itu, secara teknologi komunikasi jarak jauh; atau
  - (b) Untuk memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh
- (2) Syarat yang disebut dalam subperenggan (1) adalah seperti berikut:
- (a) Dalam hal kehadiran pihak-pihak atau saksi semasa tempoh yang dinyatakan dan daripada suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;
  - (b) Dalam hal seorang banduan sebagai saksi atau pihak untuk hadir atau memberikan keterangan semasa tempoh yang dinyatakan dan daripada suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh, dengan syarat bahawa –
    - (i) Seorang saksi atau banduan pihak; dan
    - (ii) Pihak-pihak dan pegawai yang Menjaga yang disebut di bawah Akta Penjara [Akta 537] bersetuju untuk menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;
  - (c) Hakim atau Pendaftar berpuashati bahawa terdapat kemudahan pentadbiran dan teknikal yang mencukupi dan pengaturan dibuat di tempat yang pihak-pihak, saksi atau banduan sebagai saksi akan hadir atau memberikan keterangan
- (3) Kehadiran dan keterangan yang diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh dalam mana-mana prosiding mengikut arahan Hakim atau Pendaftar di bawah subperenggan (1) boleh dikira sebagai kehadiran dan keterangan yang diberikan secara sendiri dalam prosiding itu dan menjadi sebahagian daripada rekod prosiding bagi Hakim itu atau di hadapan Pendaftar

## **Etika**

11. Semua pihak yang terlibat di dalam prosiding dalam talian hendaklah mematuhi etika sebagaimana perenggan 2 Arahan Amalan YAA Ketua Hakim Syariah Negeri Johor Bilangan 6 Tahun 2021.

## **Kuasa untuk membatalkan arahan**

12. Hakim atau Pendaftar boleh membatalkan, menggantung atau mengubah Arahan Amalan ini sekiranya –
  - (a) Teknologi komunikasi jarak jauh itu berhenti berfungsi dan ia akan menyebabkan kelewatan yang tidak munasabah untuk menunggu sehingga sistem berfungsi semula;
  - (b) Hakim atau Pendaftar berpendapat bahawa prosiding yang dijalankan tidak mendatangkan keadilan;
  - (c) Telah berlakunya suatu perubahan material dalam hal keadaan selepas Hakim atau Pendaftar telah membuat sesuatu perintah; atau
  - (d) Ia perlu untuk kepentingan keadilan untuk berbuat demikian.

## **Penghakiman**

13. (1) Section 30 dan 135 Enakmen *Tarbiyah Ma' Mahkamah Syariah Negeri Johor* 2003 hendaklah terpakai kepada setiap penghakiman atau perintah yang diumumkan atau diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh.
  - (2) Jika penghakiman atau perintah diumumkan atau diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, fakta itu hendaklah dinyatakan dalam penghakiman atau perintah itu.
  - (3) Apa-apa penghakiman atau perintah yang diumumkan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh dengan kehadiran pihak-pihak hendaklah disifatkan diterima oleh pihak-pihak secara sendiri.
  - (4) Walau apa pun Garis panduan ini, penghakiman atau perintah boleh disampaikan melalui apa-apa cara lain yang dipersetujui oleh pihak-pihak.
14. Garis panduan ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa berdasarkan perkembangan terkini sistem teknologi dan situasi semasa

## SINGKATAN


| BIL | SINGKATAN | PENGERTIAN                                                                                                     |
|-----|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | KHS       | Ketua Hakim Syarie                                                                                             |
| 2   | H         | Hakim                                                                                                          |
| 3   | P         | Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah / Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah / Mahkamah Rendah Syariah |
| 4   | PTM       | Pegawai Teknologi Maklumat                                                                                     |
| 5   | Pem.P     | Pembantu Pendaftar                                                                                             |

## PROSES KERJA


| Tanggungjawab | Proses Kerja                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|---------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| P             | <ol style="list-style-type: none"> <li>Memaklumkan kepada Pem.P untuk menetapkan tarikh bicara mengikut jadual yang telah ditetapkan.</li> <li>Memaklumkan kepada PTM untuk mendapatkan pautan Platform dalam talian bagi penentuan tarikh prosiding secara dalam talian.</li> </ol>                                                                                                                                           |
| PTM           | <ol style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan pautan Platform dalam talian bagi penentuan tarikh prosiding perbicaraan secara dalam talian.</li> <li>Memaklumkan pautan Platform dalam talian bagi penentuan tarikh prosiding perbicaraan secara dalam talian kepada PP melalui e-mel.</li> <li>Menyediakan kelengkapan dan fasiliti yang bersesuaian untuk perbicaraan secara dalam talian di lokasi Mahkamah</li> </ol> |
| Pem.P         | <ol style="list-style-type: none"> <li>Memaklumkan kepada pihak-pihak melalui Notis Pengendalian Prosiding Kes Secara dalam Talian seperti <b>Lampiran C</b> berkaitan dengan penetapan tarikh bicara dan pautan Platform dalam talian bagi prosiding perbicaraan secara dalam talian.</li> </ol>                                                                                                                              |

| Tanggungjawab               | Proses Kerja                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pem.P                       | 7. Menyediakan fail kes dan kertas catatan bicara.                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| H / Pem.P                   | 8. Menghadirkan diri ke lokasi Mahkamah pada tarikh yang ditetapkan bagi prosiding perbicaraan secara dalam talian.                                                                                                                                                                                                                               |
| H / Pem. P<br>/ Pihak-pihak | 9. Log masuk ke dalam pautan platform dalam talian pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan.                                                                                                                                                                                                                                                   |
| H                           | <p>10. Memeriksa kehadiran pihak-pihak.</p> <p>11. Memastikan dokumen mengenai diri pihak-pihak ditunjukkan secara visual sebelum diambil keterangan.</p> <p>12. Sekiranya terdapat masalah teknikal, Hakim perlu menangguhkan prosiding perbicaraan sama ada sehingga masalah teknikal selesai atau menangguhkan kes untuk tarikh yang lain.</p> |
| H                           | <p>13. Membuat catatan bicara.</p> <p>14. Membuat catatan sekiranya terdapat dokumen perbicaraan yang dimuat naik secara dalam talian oleh pihak-pihak.</p>                                                                                                                                                                                       |
| H                           | 15. Menetapkan tarikh tangguhan kes atau keputusan setelah selesai prosiding.                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| Pem.P                       | 16. Memastikan dokumen perbicaraan yang dimuat naik oleh pihak-pihak sewaktu perbicaraan dalam talian dimasukkan secara <i>hard copy</i> di kaunter setelah selesai prosiding.                                                                                                                                                                    |


## CARTA ALIR




A




H pastikan dokumen pengenalan diri pihak-pihak ditunjukkan secara visual sebelum diambil keterangan




H buat catatan bicara



H buat catatan pada kulit fail kes sekiranya terdapat dokumen perbicaraan yang dimuat naik ke dalam talian oleh pihak-pihak



H tetapkan tarikh pengguhan kes atau keputusan setelah selesai prosiding



Pastikan dokumen perbicaraan yang dimuat naik oleh pihak-pihak sewaktu perbicaraan dalam talian dimasukkan ke dalam hard copy di kaunter setelah selesai prosiding.



Tamat

**BORANG KEBENARAN  
PENGENDALIAN PROSIDING KES SECARA DALAM TALIAN  
DI LUAR BANGUNAN YANG DIWARTAKAN SEBAGAI MAHKAMAH**

Hakim / Pendaftar

Mahkamah Rayuan / Tinggi / Rendah Syariah .....

Kes Mal / Jenayah Bil.: .....

Adalah saya dengan ini,

☐

MEMBENARKAN

☐

TIDAK MEMBENARKAN

prosiding kes ini dijalankan secara dalam talian sebagaimana maklumat berikut:

|          |   |  |
|----------|---|--|
| Lokasi   | : |  |
| Tarikh   | : |  |
| Masa     | : |  |
| Platform | : |  |

.....  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Tarikh: .....

**NOTIS PENGENDALIAN  
PROSIDING KES SECARA DALAM TALIAN**

Kes Mal / Jenayah Bil: .....

Nama: ..... Antara ..... Plaintiff

No. K/P: .....

Nama: ..... dengan ..... Defendant

No. K/P: .....

2. Adalah dimaklumkan bahawa, prosiding kes ini akan dijalankan secara dalam talian seperti berikut:

|          |   |  |
|----------|---|--|
| Tarikh   | : |  |
| Masa     | : |  |
| Platform | : |  |
| Pasukan  | : |  |

( ..... )

Ketua Pendaftar / Penolong Pendaftar / Pembantu Pendaftar  
Mahkamah Rayuan / Tinggi / Rendah Syariah .....  
Tarikh : .....